

UMS Meterai MoA dengan Pengusaha Agro-makanan Terbesar Asia, JAPFA Comfeed Indonesia

Terakhir dikemaskini: Selasa, 18 Februari 2020 15:42 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 59

[Kongsi 0](#)

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



SELASA, 18 FEBRUARI 2020 - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama JAPFA Comfeed Indonesia, sebuah syarikat pembuat makanan ternakan yang terbesar di Asia dengan perniagaan multimilion dalam sektor penternakan haiwan, akuakultur, perdagangan dan perkhidmatan.

Upacara menandatangani MoA itu berlangsung di ibu pejabat JAPFA di Singapura baru-baru ini meyakinkan UMS diwakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin. Manakala JAPFA diwakili oleh Ardi Budiono, Naib Presiden

merangkap Ketua Bahagian Akuakultur, PT Suri Tani Pemuka (STP) iaitu sebuah syarikat subsidiari JAPFA.

Menurut Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap, kerjasama ini akan memfokuskan kepada program latihan dan pemindahan ilmu akuakultur kepada kakitangan JAPFA yang kini sedang dalam rangka membangunkan sebuah institusi akuakultur di Indonesia.

“Sebelum ini UMS dan JAPFA sebenarnya sudah mengadakan pelbagai kerjasama termasuk dalam bidang penyelidikan dan perkongsian kepakaran.

“Kerjasama dan kepercayaan yang diberikan ini pasti akan meningkatkan keterlihatan UMS di pentas global dan meningkatkan citra serta reputasi UMS dalam bidang akuakultur,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pada upacara pemeteraian MoA tersebut, STP JAPFA turut menyempurnakan penyerahan dokumen kontrak penyelidikan kepada Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS bernilai RM220,000 bagi memulakan program latihan akuakultur seperti yang terkandung dalam dokumen MoA.

Turut hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Pengerusi Eksekutif JAPFA, Handojo Santosa dan Pegarah IPMB, Prof. Dr. Sitti Raehanah Muhamad Shaleh.

Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap berkata, kerjasama JAPFA-UMS melalui IPMB telah bermula sejak sepuluh tahun yang lalu melalui khidmat jururunding kepakaran oleh Prof. Dr. Shigeharu Senoo yang merupakan kakitangan akademik di IPMB.

“Kemudian pada tahun 2016, JAPFA telah menganugerahkan kontrak penyelidikan bernilai RM180,000 kepada Prof. Madya Dr. Faihanna Ching untuk mengetuai projek penyelidikan dengan fokus kajian kematangan gonad ikan belut bagi memperkasakan industri akuakultur dalam bidang ternakan ikan belut.

“Pada tahun 2019, JAPFA telah menghantar beberapa kakitangannya ke IPMB UMS untuk menjalani

latihan dalam bidang akuakultur bagi memperkasakan sumber manusia dalam bidang akuakultur,” katanya.

Untuk rekod JAPFA Comfeed Indonesia mempunyai seramai 38,000 pekerja dari tujuh buah negara di rantau Asia termasuk China.

Kekuatan syarikat ini juga merangkumi sektor ternakan haiwan iaitu meliputi unit pengeluaran makanan ternakan, unit pembiakan ayam dan lembu, serta unit perniagaan pertanian.